

HUBUNGAN KEPIMPINAN INSTRUKSIONAL
DENGAN IKLIM SEKOLAH

MOHD. ROSLI BIN MOHD. OTHMAN

UNIVERSITI TEKNOLOGI MALAYSIA

800901



105008

ABSTRAK

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk melihat hubungan antara kepimpinan instruksional pengetua dengan profil iklim sekolah yang dipimpinnya. Hubungan ini dikaji berdasarkan persepsi guru-guru terhadap kekerapan pengetua mereka dalam melaksanakan fungsi-fungsi kepimpinan instruksional dan persepsi mereka terhadap kewujudan faktor-faktor penentu pembentukan iklim sekolah yang kondusif di sekolah masing-masing. Sampel kajian terdiri daripada 250 orang guru dari semua lapan buah sekolah menengah kebangsaan di daerah Kulai yang dipilih secara rawak. Kajian ini bersifat deskriptif dengan kaedah tinjauan dan menggunakan soal selidik *Principal Instructional Management Rating Scale* dan *CFK Ltd. School Climate Profile* yang telah disesuaikan mengikut kondisi di negara ini. Data yang diperoleh dianalisis menggunakan kaedah kekerapan dan peratusan serta pengujian statistik ANOVA satu hala dan Korelasi Pearson. Aras signifikan 0.05 dijadikan asas untuk menerima dan menolak hipotesis. Secara umum, hasil kajian menunjukkan bahawa para pengetua kerap melaksanakan fungsi-fungsi beliau sebagai pemimpin instruksi. Walau bagaimanapun masih banyak yang perlu dipertingkatkan kerana kekerapan tersebut hanya pada tahap sederhana sahaja. Begitu juga dengan profil iklim sekolah. Walaupun guru-guru mempunyai persepsi yang baik terhadap iklim sekolah mereka, kadarnya tidak begitu tinggi. Hasil kajian juga menunjukkan bahawa terdapat hubungan positif yang signifikan pada kadar sederhana antara kepimpinan instruksional dengan iklim sekolah. Selain itu, terdapat juga hubungan positif yang signifikan pada kadar sederhana antara ketiga-tiga dimensi dalam kepimpinan instruksional dengan iklim sekolah. Oleh itu, disarankan agar pengetua diberikan penekanan dan latihan berterusan dalam aspek kepimpinan instruksional. Tindakan ini akan dapat membantu memperbaiki iklim sekolah yang dipimpinnya dan seterusnya akan meningkatkan prestasi kerja guru dan prestasi akademik pelajar.

BAB I

MASALAH KAJIAN

1.1 Pengenalan

Bab pertama ini akan memberikan gambaran tentang masalah yang menjadi asas kajian yang dijalankan. Bermula dengan senario yang berlaku, di dalam bab ini juga dikemukakan masalah yang menyebabkan kajian ini dijalankan. Seterusnya diuraikan dengan terperinci tentang persoalan, objektif dan hipotesis kajian. Kemudian dibincangkan pula ruang lingkup dan model yang digunakan sebagai asas dalam pelaksanaan kajian ini. Bab ini diakhiri dengan penjelasan tentang definisi operasional variabel-variabel yang terlibat.

1.2 Latar Belakang Masalah

Era teknologi maklumat diyakini akan terus mencorak peradaban manusia untuk beberapa ketika lagi. Dunia tanpa sempadan yang dihasilkannya dengan arus globalisasi sebagai pemangkin telah menyediakan cabaran-cabaran baru yang harus ditangani oleh sistem pendidikan kita. Hasrat untuk mewujudkan suatu sistem pendidikan yang bertaraf dunia menuntut para pendidik memberikan sumbangan yang lebih bermakna agar keseluruhan sistem, proses dan produk pendidikan benar-benar dapat dijadikan model di peringkat antarabangsa.

Menjamin kualiti perkhidmatan dalam profesion keguruan pada masa depan merupakan cabaran yang tidak mungkin dikesampingkan. Sejauh mana pendidik dapat memenuhi tuntutan dan keperluan pelanggan mereka bergantung kepada kualiti perkhidmatan yang diberikan. Arus pembangunan yang secara terus-menerus mewujudkan perubahan-perubahan di luar jangkaan mendesak adanya peningkatan kualiti dalam proses dan produk pendidikan. Cabaran ini perlu dihadapi jika kita bercita-cita untuk menjadikan Malaysia sebagai pusat kecemerlangan ilmu.

Kita seolah-olah tidak ada pilihan selain daripada melibatkan diri dalam persaingan yang semakin sengit ini. *The Third Wave* yang dikumandangkan oleh Alvin Toffler (1980) memberi isyarat bahawa sistem pendidikan kita perlu mampu melahirkan generasi yang memenuhi karakteristik yang digariskan oleh Falsafah Pendidikan Kebangsaan. Sehubungan dengan itu, sekolah sebagai organisasi yang paling besar peranannya dalam usaha melahirkan produk yang diinginkan, perlulah diurus dan dipimpin secara berkesan.

Dalam huraian tentang bentuk-bentuk Pengurusan Empat Sistemnya, Likert berpendapat bahawa (Siepert & Likert, 1973):

The main causal factors (of organizational effectiveness or ineffectiveness) are the organizational climate and the leadership behavior which significantly affect how subordinates deal with each other individually and in work groups in order to produce the end results. (m.s. 3)

Pendapat di atas jelas menunjukkan bahawa iklim organisasi dan kepimpinan merupakan dua faktor yang amat besar pengaruhnya terhadap keberkesanan sekolah. Faktor-faktor tersebut mempengaruhi hubungan antara individu dalam kumpulan kerja tertentu bagi mencapai matlamat yang diinginkan. Johnson (1989) pula ketika merumuskan kajiannya di kalangan pentadbir, guru dan ibu bapa di Kanada menjelaskan bahawa iklim organisasi sekolah dan kepimpinan pengetua sebagai sebahagian daripada kriteria sekolah yang berkesan.

Menurut Licata (1987), iklim organisasi yang menentukan keberkesanan sesebuah sekolah ialah iklimnya yang positif. Dapatan daripada kajian-kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa sekolah bukan sahaja *can and do make difference* terhadap pencapaian akademik pelajar, malahan perbezaan *outcomes* sesebuah sekolah berhubung rapat dengan iklim sekolah tersebut (Hussein, 1993). Lindelow (1989) sebelum itu telah mengemukakan dapatan kajian yang dengan jelas menunjukkan bahawa iklim sekolah turut mempengaruhi tahap moral dan prestasi akademik pelajar.

Selain daripada faktor keluarga, perkembangan personaliti pelajar turut dipengaruhi oleh sekolah. Kita tahu bahawa para pelajar dapat belajar dengan baik dalam persekitaran yang penyayang dan penuh dengan bimbingan (Howard, *et.al* 1987). Pendapat ini membuktikan kesahihan dapatan kajian Rahimah (1981) yang mendapati bahawa iklim sekolah mempunyai hubungan yang signifikan dengan pencapaian akademik pelajar. Ini adalah kerana iklim sekolah yang kondusif akan meningkatkan lagi minat mereka terhadap pengajaran dan pembelajaran di sekolah.

Wyant, *et.al* (1980) telah menjalankan kajian yang khusus untuk mengetahui kesan peranan para pengetua terhadap projek-projek yang telah dijalankan di sekolah masing-masing. Mereka mendapati bahawa kejayaan pelaksanaan projek tersebut adalah disebabkan oleh kepimpinan yang berkesan serta penglibatan yang berterusan untuk memperbaiki iklim sekolah. Dalam usaha para pengetua untuk mengekal dan mengembangkan budaya yang menyokong pembentukan sekolah berkesan, Kelley (1989) menyarankan agar mereka memberikan perhatian yang lebih terhadap aspek iklim sekolah.

Dapatan kedua-dua pengkaji di atas menunjukkan bahawa kepimpinan pengetua turut mempengaruhi keberkesanan sesebuah sekolah. Dalam kajian dan penulisan tentang sekolah efektif tidak terdapat satu jenis kepimpinan yang dikatakan lebih baik daripada yang lain. Malahan kata Bennis dan Nanus (1985), amat sukar untuk membezakan antara pemimpin yang berkesan dengan pemimpin yang kurang berkesan. Namun, Edmonds (1979) menegaskan bahawa kepimpinan pengetualah yang menentukan kejayaan sesebuah sekolah.